

Kerajaan yakin lebih ramai belia ceburi TVET

BUKIT MERTAJAM - Kerajaan yakin lebih ramai golongan belia akan men-
cebuti Program Pendidikan dan La-
tihan Teknikal dan Latihan Vokasional
(TVET) selepas ia akan diperkasakan
menerusi beberapa peruntukan dalam
Belanjawan 2020.

Timbalan Menteri Sumber Manu-
sia, Datuk Mahfuz Omar berkata, pel-
bagai inisiatif telah diatur kerajaan bagi
melahirkan golongan belia yang ber-

SH M/S 12 13/10/19
kemahiran tinggi sesuai dengan hasrat
kerajaan dalam memartabatkan TVET
di negara ini.

"Saya lihat dengan apa yang diu-
mumkan semalam (kelmarin) akan
menambahkan jumlah pelajar untuk
mengikut bidang TVET pada masa
hadapan yang sekarang ini semakin
menjadi pilihan pelajar berikutan me-
nawarkan kursus kemahiran tinggi.

"Peruntukan itu juga memberi

gambaran positif terhadap kebolehpas-
saran bidang TVET yang memberi
jaminan dalam mendapatkan peker-
jaan kerana lepasan bidang tersebut
memang menjadi rebutan majikan
serta pihak industri," katanya selepas
merasmikan selepas merasmikan Per-
tandingan Worldskills Malaysia Belia
Peringkat Akhir Tahun 2019 di Uni-
versiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau
Pinang di sini semalam.